

KONTINJEN HASiL SEMARAKKAN SEMANGAT KEBANGSAAN, TEGUH MENDUKUNG ASPIRASI NEGARA

Putrajaya, 31 Ogos 2025 – Bersempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-68, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah melakar sejarah dengan menyertai perarakan Hari Kebangsaan sebagai kontinjen rasmi, membawa bersama satu naratif, memastikan manfaat hasil cukai sentiasa terpelihara demi kemakmuran bersama. Dengan semangat Jiwa Merdeka, patriotisme dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi, penyertaan Kontinjen HASiL telah menghimpunkan seramai 77 orang pegawai HASiL bertemakan **Myinvois: Digitalkan Perniagaan Anda Dengan e-Invois** yang disambut meriah di Dataran Putrajaya.

Penyertaan Kontinjen HASiL peringkat nasional ini merupakan manifestasi HASiL mendukung aspirasi kerajaan, serta menyeru rakyat untuk terus menghargai nikmat kemerdekaan dengan mempertahankan keamanan, memperkukuh perpaduan dan menjunjung kesejahteraan bersama. Menerusi penglibatan Kontinjen HASiL juga, membuktikan kesungguhan HASiL untuk memastikan pelaksanaan agenda nasional negara terus diperkasa sekali gus memacu ke arah inovasi digital yang lebih cekap, telus dan moden.

Menyedari potensi besar acara ini sebagai medium berinteraksi dengan masyarakat, HASiL turut mengambil peluang dengan menampilkan perarakan kenderaan berhias iaitu **Kapal MyInvois** yang menjadi tarikan utama untuk mendekati penonton secara lebih mesra, melambangkan hala tuju dan inovasi pentadbiran cukai sebagai pemangkin transformasi digital melalui pelaksanaan e-Invois.

Sebagai agensi utama pentadbir cukai langsung negara, HASiL perlu dilihat sebagai satu pasukan yang sentiasa ke hadapan dalam memastikan pelaksanaan agenda pembangunan negara diutamakan selain menjadi pemudah cara kepada rakyat dalam perkhidmatan percukaian dan juga sumbangan bantuan khas kerajaan. Mengangkat tema 'Malaysia MADANI, Rakyat Disantuni', terbukti berjaya merealisasikan erti keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran yang jelas dapat dilihat melalui gelora Sambutan Hari Kebangsaan 2025 tahun ini.

Pepatah Melayu ada mengungkapkan "Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh" yang memberikan seribu makna untuk kita bersama-sama membangunkan negara yang kita cintai ini melalui platform percukaian. Justeru, HASiL menyeru seluruh rakyat Malaysia agar terus bersatu padu demi Malaysia yang lebih teguh, aman dan makmur demi tanah air yang tercinta.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan

- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE **BEYOND** LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 31 Ogos 2025

LAMPIRAN



Kontingen HASiL menyempurnakan sesi perarakan Hari Kebangsaan 2025 di Dataran Putrajaya.



Penampilan khas perarakan kenderaan berhias Kapal MyInvois yang diketuai oleh YBrs. Dr. Rasyidah Che Rosli, Pengarah Bahagian e-Invois, Sektor Operasi Cukai memeriahkan sesi sambutan Hari Kebangsaan 2025 hari ini.



Kontinjen HASiL bergambar kenang-kenangan bersama-sama seusai perarakan sambutan Hari Kebangsaan 2025.